

21/08/2000

Air: Tuntutan Singapura perlu penelitian

KETIKA ini, Johor membekalkan 214 juta liter air mentah bernilai RM1,605 kepada Singapura sehari dan membeli balik 35 juta liter air yang sudah dirawat berharga RM4,375 dari republik berkenaan. Ketidakseimbangan dalam jualan air mentah pada harga tiga sen bagi setiap 4,000 liter kepada Singapura yang menjualnya semula kepada Johor selepas dirawat pada kadar 50 sen bagi jumlah yang sama mengikut Perjanjian Air Sungai Johor 1961 dan 1962 itu, memang amat ketara. Modal Singapura pula ialah pembinaan serta operasi loji rawatan air Lembaga Perbekalan Awam (PUB) miliknya, termasuk di Sungai Linggui, Kota Tinggi; Gunung Pulai, Pontian; dan Skudai, Johor Bahru.

Kini, pada ketika Singapura mengenakan pelbagai desakan demi menjamin bekalan airnya pada masa depan, rata-rata timbul pendapat bahawa perjanjian selama ini yang masing-masing akan tamat pada 2011 dan 2061, hanya menguntungkan republik berkenaan. Sebaliknya, Malaysia selaku pembekal air, tidak mendapat banyak faedah. Lantaran itu, permintaan Singapura menambah sekali ganda bekalan airnya bagi tempoh 150 tahun selepas 2061, menuntut pertimbangan mendalam.

Dari satu sudut, keperluan air bagi kegunaan domestik di Johor dijangka meningkat seiring jangkaan pertumbuhan penduduknya kepada lima juta orang pada 2030. Dalam pada itu, bukanlah rahsia bahawa Singapura turut menjual airnya untuk kegunaan komersil, termasuk kepada kapal-kapal, dengan mengaut keuntungan berlipat ganda sekalipun republik itu mempertahankan keperluan airnya hanyalah bagi kegunaan domestik.

Dalam masa dua tahun lagi, apabila siapnya loji rawatan dan beberapa skim baru bekalan air di Johor dengan peruntukan RM700 juta, senarionya harus berubah. Ia bukan saja berupaya memenuhi keperluan domestik, malah Johor turut berupaya menjual air yang dirawat dan bukan lagi air mentah kepada Singapura. Perkara ini dipercayai turut dibincangkan pada pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, di Putrajaya minggu lalu. Kita berpendapat ia adalah langkah amat bertepatan agar Johor tidak lagi perlu bergantung kepada negara jiran itu untuk mendapatkan bekalan air yang sudah dirawat, sebaliknya dapat pula membekalkannya kepada republik berkenaan pada kadar lebih menguntungkan.

(END)